






**MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK
EKSA JTM
BIL. 1 TAHUN 2022**

AGENDA MESYUARAT

- * Ucapan alu-aluan Pengerusi
- * Pengesahan Minit Mesyuarat Bil.2/2021 
- * Maklumbalas Minit mesyuarat Bil.2/2021 
- * Pembentangan Pelan Lantai Mengikut Zon 
- * Carta Perbatuan 
- * Lain – lain hal

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF
SEKTOR AWAM (EKSA) JTM BIL 2/2021**

Tarikh : 24 November 2021 (Rabu)
Masa : 3:00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Utama
Pengerusi : Encik Mat Setia bin Mohd Raji
Timbalan Ketua Pengarah JTM
Kehadiran : Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat
- 1.2. Pengerusi memaklumkan bahawa ini merupakan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil 2 Tahun 2021. Beliau memohon semua ahli mesyuarat dapat bekerjasama ke arah penarafan EKSA dan ISO pada tahun hadapan.

MAKLUMAN

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.1/2021 bertarih 22 Oktober 2021 disahkan oleh Encik Abd Halim bin Ali Mohammed dan disokong oleh Dr. Azmir bin Mohd Yunus.

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Mesyuarat bersetuju dan mengambil maklum perkara berikut.

- 3.1 Nama (warna) dan pelantikan ahli Jawatankuasa Pelaksanaan EKSA di setiap Bahagian/Zon:

3.1.1 Bahagian Pengurusan Latihan (BPL)

NAMA ZON: DIAMOND (OREN)	
Ketua Zon	Hajah Junita binti Hj Mohamed Ali
Timbalan Ketua Zon	Cik Norida Binti Othman
Fasilitator	Encik Nor Imran Bin Mohamad
Penyelaras	Cik Norida Binti Othman
JK Latihan	Puan Nurul Azhariah Binti Hassan @ Alias
JK Promosi	Encik Rostam Bin Hamzah
JK Audit	Mohd Syafiq Bin Suhaimi Nurul Azni Binti Ab. Aziz
Ahli-Ahli	Semua Pegawai dan Kakitangan BPL

3.1.2 Bahagian Kawalan Teknikal (BKT)

NAMA ZON: ZIRCON (BIRU)	
Ketua Zon	Dr. Azmir Bin Mohd Yunus
Timbalan Ketua Zon	Encik Zahari Bin Jusoh
Fasilitator	Hajah Noor Lisa Rahmat
Penyelaras	Encik Mohd Faizal Bin Amat
JK Latihan	Encik A. Rahmad Bin Ngah
JK Promosi	Puan Rosmiali Binti Ahmad
JK Audit	Encik Ismail Bin Mohd Taha
Ahli-Ahli	Semua Pegawai dan Kakitangan BKT

3.1.3 Bahagian Perancangan dan Penyelidikan (BPP)

NAMA ZON: AMETHYST (UNGU)	
Ketua Zon	Puan Junnaina Binti Husin Chua
Timbalan Ketua Zon	Puan Noor Hayati Binti Halimi

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

Fasilitator	Puan Nor Faizah Binti Abdul Karim
Penyelaras	Puan Siti Norhidayah Binti Umar
JK Latihan	Puan Nur Athiah Binti Che Udin
JK Promosi	Encik Mohd Azmi Bin Jamaludin
JK Audit	Encik Sukri Bin Mohamed
Ahli-Ahli	Semua Pegawai dan Kakitangan BPP

3.1.4 Bahagian Pembangunan Kemahiran (BPK)

NAMA ZON: EMERALD (HIJAU)	
Ketua Zon	Encik Abdul Halim Bin Ali Mohammed
Timbalan Ketua Zon	-
Fasilitator	Encik Hama Hazizi Bin Md Haris
Penyelaras	Encik Mohd Abd Fatah Bin Mohd Ramly
JK Latihan	Puan Norliana Binti Abu Bakar
JK Promosi	Encik Norazmi Bin Pawit
JK Audit	Ts. Rostam Bin Hashim
Ahli-Ahli	Semua Pegawai dan Kakitangan BPK

3.1.5 Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

NAMA ZON: RUBY (MERAH)	
Ketua Zon	Encik Azizul Bin Mustafa
Timbalan Ketua Zon	-
Fasilitator	Puan Siti Nur A'isyah Binti Abdul Razak
Penyelaras	Encik Rosli Bin Abd Hamid
Penolong Penyelaras	Puan Khaliza Binti Khalid
JK Latihan	Encik Jesudian Arulraj a/l Chelliah
JK Promosi	Encik Zawawi Bin Abdullah
JK Audit	Encik Azbarisyam Bin Baharuddin
Ahli-Ahli	Semua Pegawai dan Kakitangan BKP

MAKLUMAN

Page 3 of 7

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

Mesyuarat bersetuju:

- 3.2 Setiap Ketua Bahagian/Zon akan diberikan Pelan Lantai JTM berdasarkan aras masing-masing iaitu sama ada di Aras 6 atau Aras 8, JTM. Ketua Bahagian/Zon diminta **mengenal pasti** dan **melorek** Pelan Lantai sempadan Bahagian/Zon masing-masing dan akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang untuk persetujuan. Sempadan ini bertujuan menentukan kawasan yang menjadi tanggungjawab semua ahli Bahagian/Zon masing-masing untuk tujuan EKSA ini. Sekiranya berlaku pertindihan sempadan, penyemakan boleh dilakukan dengan bantuan Fasilitator dan Urus Setia.

TINDAKAN: Fasilitator dan Urus setia

Mesyuarat mengambil maklum:

- 3.3 Portal sudut EKSA Ibu Pejabat JTM secara maya telah diwujudkan oleh Jawatankuasa Promosi dan ia boleh diakses di capaian <https://www.jtm.gov.my/2015v3/eksa-jtm>. Sudut EKSA secara maya ini bertujuan agar maklumat terkini berkaitan EKSA dapat dikongsi kepada semua pelanggan dalaman dan luaran JTM.

TINDAKAN: Makluman

- 3.4 Pihak Jawatankuasa Promosi akan mewujudkan fungsi editor yang akan membolehkan semua Ketua Bahagian/Zon membuat pengemaskinian fungsi (contoh: memuat naik nama Zon dan keahlian Jawatankuasa Pelaksanaan) dan program masing-masing. Selain itu, portal sudut EKSA Ibu Pejabat JTM tersebut juga perlu diwujudkan ruang untuk memuat naik Carta Organisasi Induk EKSA Ibu Pejabat JTM.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi / Ketua Bahagian/Zon

Mesyuarat bersetuju :

- 3.5 Satu program bersama *Champion* EKSA secara seminar atas talian atau webinar perlu dilaksanakan pada pertengahan Disember 2021 (tarikh akan dimuktamadkan kemudian) untuk memberi pendedahan awal kepada semua warga JTM berhubung keperluan dan fungsi EKSA secara keseluruhannya.

TINDAKAN: Fasilitator dan Urus setia

- 3.6 Pengemaskinian Dasar dan Panduan Pelaksanaan EKSA JTM akan disemak oleh Penyelaras EKSA Ibu Pejabat JTM. Panduan ini akan menerangkan konsep EKSA secara umum, memberi panduan asas pelaksanaan EKSA dan

Page 4 of 7

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

menerangkan kaedah pelaksanaan audit dalam EKSA kepada semua Ketua Bahagian/Zon dan semua ahli-ahli. Panduan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang atau selepas program webinar dengan *Champion* EKSA untuk tindakan selanjutnya.

TINDAKAN: Urus setia

Mesyuarat bersetuju :

- 3.7 Pengemaskinian Carta Perbatuan (*Gantt Chart*) perlu dibuat dan diselaraskan mengikut setiap perancangan aktiviti dan program EKSA Ibu Pejabat JTM yang telah dipersetujui.

TINDAKAN: Urus setia

4. HAL-HAL LAIN

Mesyuarat bersetuju:

- 4.1 Bagi peringkat permulaan, Hari EKSA akan dilaksanakan pada setiap pagi Jumaat pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan. Hari EKSA bertujuan untuk semua warga JTM melaksanakan proses EKSA bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja berkualiti (bersih, kemas dan rapi) dan kondusif sekaligus bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan organisasi.

TINDAKAN: Makluman

- 4.2 Pengerusi mencadangkan agar setiap Ketua Bahagian/Zon mula mengenal pasti keperluan utama di Bahagian/Zon masing-masing seperti keperluan mewujudkan ruang penyimpanan fail dan penyeragaman peralatan/label umum bagi mewujudkan ruangan pejabat yang teratur dan kemas.

TINDAKAN: Ketua Bahagian/Zon dan Urus setia


5. PENUTUP

- 5.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menangguhkan mesyuarat pada jam 4.30 petang.


MAKLUMAN

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()


Disediakan Oleh :


.....
(NURHAIZUM BINTI MAT YUSOF)
Setiasaha
Tarikh : 30/11/2024

Disemakan Oleh :


.....
(AZIZUL BIN MUSTAFA)
PKP
Tarikh : 20/11/2024

Diluluskan Oleh :


.....
(MAT SETIA BIN MOHD RAJI)
TKP
Tarikh : 1/12/2024

Rujukan: JTM/HQ/900-4/3/1 ()

LAMPIRAN 1

SENARAI KEHADIRAN:

- | | |
|---|---------------------------------------|
| 1. Encik Mat Setia bin Mohd Raji | Pengerusi |
| 2. Encik Azizul bin Mustafa | Penyelaras |
| 3. Encik Noor Imran bin Mohamad | Fasilitator |
| 4. Encik Muhammad Hafiz bin Harun | Jawatankuasa Audit |
| 5. Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin | Jawatankuasa Latihan |
| 6. YBrs. Dr. Azmir bin Mohd Yunus | Ahli |
| 7. Encik Abd Halim bin Ali Mohammed | Ahli |
| 8. Puan Junnaina binti Husin Chua | Ahli |
| 9. Puan Nurhaizum binti Mat Yusof | Sebiasaha |
| 10. Puan Rekha A/P Kanapathy | Penolong Setiausaha |
| 11. Encik Rosli bin Abd Hamid | Urus setia |
| 12. Puan Khaliza binti Khalid | Urus setia |
| 13. Puan Jufiana binti Ali | Urus setia |
| 14. Encik Rostam Bin Hashim | BPK |
| 15. Encik Sheikh Ezamuddin bin Sheikh Mohd Mustaffa | CTM |
| 16. Puan Noor Hayati binti Halimi | Bahagian Penyelidikan dan Perancangan |

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

17. Puan Junita binti Mohamed Ali
18. Puan Zafawani binti Mukhtar


PARA	PERKARA	MAKLUMBALAS
3.2	<p>Setiap Ketua Bahagian/Zon akan diberikan Pelan Lantai JTM berdasarkan aras masing-masing iaitu sama ada di Aras 6 atau Aras 8, JTM. Ketua Bahagian/Zon diminta mengenal pasti dan melorek Pelan Lantai sempadan Bahagian/Zon masing-masing dan akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang untuk persetujuan. Sempadan ini bertujuan menentukan kawasan yang menjadi tanggungjawab semua ahli Bahagian/Zon masing-masing untuk tujuan EKSA ini. Sekiranya berlaku pertindihan sempadan, penyemakan boleh dilakukan dengan bantuan Fasilitator dan Urus Setia.</p> <p>Tindakan : Fasilitator & Urusetia</p>	<p>BAHAGIAN PENYELIDIKAN & PERANCANGAN Telah dilaksanakan oleh fasilitator dari BPP (Pn. Nor Faizah) : a) Pertindihan kawasan, ruang kerja (workstation) En. A. Rahmad dan En. Asmadi. BKT dan BPP telah mencapai persetujuan , ruang kerja En. Asmadi di letakkan di zon BKT (Zirkon); b) Pertindihan kawasan, ruang penyimpanan fail akan berkongsi antara BPP dan BKT iaitu bilik Setiausaha P(BKT). BKT dan BPP telah mencapai persetujuan, ruang penyimpanan fail diletakkan di zon BKT (Zirkon); dan c) Surau berada di luar pejabat JTM. Cadangan ruang berkenaan tidak diwartakan sebagai kawasan EKSA.</p> <p>BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN Telah dilaksanakan oleh fasilitator dari BKP (Pn. Siti Nur A'isyah) : - Layout seperti di lampiran</p>
3.4	<p>Pihak Jawatankuasa Promosi akan mewujudkan fungsi editor yang akan membolehkan semua Ketua Bahagian/Zon membuat pengemaskinian fungsi (contoh: memuat naik nama Zon dan keahlian Jawatankuasa Pelaksanaan) dan program masing-masing. Selain itu, portal sudut EKSA Ibu Pejabat JTM tersebut juga perlu diwujudkan ruang untuk memuat naik Carta Organisasi Induk EKSA Ibu Pejabat JTM.</p> <p>Tindakan : Jawatankuasa Promosi & Ketua Bahagian / Zon</p>	<p>JAWATANKUASA PROMOSI a) Fungsi editor telah diwujudkan untuk Ahli JK Promosi Bahagian/ Zon. b) Carta Organisasi Induk EKSA Ibu Pejabat JTM telah dimuat naik.</p>
3.5	<p>Satu program bersama Champion EKSA secara seminar atas talian atau webinar perlu dilaksanakan pada pertengahan Disember 2021 (tarikh akan dimuktamadkan kemudian) untuk memberi pendedahan awal kepada semua warga JTM berhubung keperluan dan fungsi EKSA secara keseluruhannya</p> <p>Tindakan : Fasilitator & Urusetia</p>	<p>Program Wacana Minda Bil.1/2022 - Pengenalan EKSA telah diadakan secara atas talian pada 12 Januari 2022</p>

PARA	PERKARA	MAKLUMBALAS
3.2	<p>Pengemaskinian Dasar dan Panduan Pelaksanaan EKSA JTM akan disemak oleh Penyelaras EKSA Ibu Pejabat JTM. Panduan ini akan menerangkan konsep EKSA secara umum, memberi panduan asas pelaksanaan EKSA dan menerangkan kaedah pelaksanaan audit dalam EKSA kepada semua Ketua Bahagian/Zon dan semua ahli-ahli. Panduan ini akan dibentangkan dalam mesyuarat akan datang atau selepas program webinar dengan Champion EKSA untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>Tindakan : Fasilitator & Urusetia</p>	<p>Mesyuarat fasilitator Bersama Urusetia telah diadakan pada 14 Januari 2022 bagi membincangkan penambahbaikkkan Buku Garis Panduan Pelaksanaan EKSA.</p> <p>Deraf pertama telah disemak oleh Setiausaha kepada ahli Jawatankuasa Induk EKSA pada 25 Januari 2022 untuk semakan.</p>
3.7	<p>Pengemaskinian Carta Perbatuan (Gantt Chart) perlu dibuat dan diselaraskan mengikut setiap perancangan aktiviti dan program EKSA Ibu Pejabat JTM yang telah dipersetujui</p> <p>Tindakan : Urusetia</p>	<p>Telah dikemaskini</p> 
4.2	<p>Pengerusi mencadangkan agar setiap Ketua Bahagian/Zon mula mengenal pasti keperluan utama di Bahagian/Zon masing-masing seperti keperluan mewujudkan ruang penyimpanan fail dan penyeragaman peralatan/label umum bagi mewujudkan ruangan pejabat yang teratur dan kemas</p> <p>Tindakan : Ketua Bahagian / Zon dan Urusetia</p>	<p>BAHAGIAN PENYELIDIKAN & PERANCANGAN</p> <p>a) Peralatan yang diperlu dan diselaraskan oleh urusetia ialah pembelian rak fail, label umum, nama-nama bilik, penyusunan wayar, kabel dll berkaitan;</p> <p>b) Penyelarasan pencahayaan di setiap ruang kerja pegawai; dan</p> <p>c) Kos untuk menghias / dekorasi ruang luar lobi tingkat 8 yang mempunyai bahan pameran produk inovasi JTM dan lain-lain kos tambahan.</p>

Aras 8 JTM

Pelan Lantai Zon
EKSA

Zon Zircon (Biru) - BPP



Aras 8 JTM


Pelan Lantai Zon
EKSA

Zon Amethyst (Unggu) - BPP



Aras 6 JTM

Pelan Lantai Zon EKSA
Zon Diamond (Oren) - BPL



Aras 6 JTM

Pelan Lantai Zon EKSA




Aras 6 JTM

Pelan Lantai Zon EKSA

Zon Diamond (Oren) – BPL

Zon Emerald (Hijau) – BPK

Zon Ruby (Merah) - BKP




Aras 8 JTM

Pelan Lantai Zon EKSA

Zon Amethyst (Unggu) – BPP

Zon Zircon (Biru) – BKT

Zon Ruby (Merah) - BKP





HAL – HAL LAIN